

## PENERAPAN KONSEP IHSAN DALAM PEMBANGUNAN AFEKTIF MAHASISWA

### *THE IMPLEMENTATION OF THE CONCEPT OF IHSAN IN THE AFFECTIVE DEVELOPMENT OF STUDENTS*

Nur Syazwani Othman<sup>1</sup>  
Mahfuzah Mohammed Zabidi<sup>2</sup>  
Norhapizah Mohd Burhan<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang, Malaysia, (E-mail: nursyazwaniothman87@gmail.com)

<sup>2</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Selangor, Kampus Shah Alam, Malaysia, (E-mail: mahfuzah3051@uitm.edu.my)

<sup>3</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Pahang, Kampus Jengka, Malaysia, (E-mail: izahuiaum@uitm.edu.my)

#### Article history

Received date : 15-3-2023

Revised date : 20-3-2023

Accepted date : 1-7-2023

Published date : 20-7-2023

#### To cite this document:

Othman, N. S., Mohammed Zabidi, M., & Mohd Burhan, N. (2023). Penerapan Konsep Ihsan dalam Pembangunan Afektif Mahasiswa. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (54), 248 - 261.

**Abstrak:** *Dalam meniti arus kemodenan ini, mahasiswa merupakan harapan generasi, bangsa dan negara dalam pentadbiran dan pengurusan negara pada masa hadapan. Walau bagaimanapun, penglibatan mahasiswa dalam gejala sosial perlu dipandang serius. Pembentukan afektif memainkan peranan penting dalam pembangunan mahasiswa holistik yang seimbang dari sudut jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Dari sudut pandangan Islam, ihsan adalah teras bagi pembentukan afektif. Hal ini demikian kerana nilai ihsan berkait rapat dengan emosi dan rohani yang berpusat pada hati (qalb) manusia yang mampu membimbing dan membentuk manusia ke arah insan baik. Artikel ini bertujuan untuk menganalisis konsep ihsan dalam pembangunan afektif mahasiswa. Kajian kualitatif ini mengaplikasikan analisis kandungan terhadap teks iaitu jurnal terpilih daripada pangkalan data atas talian dengan kata kunci ihsan dan afektif. Hasil kajian merumuskan pembentukan afektif yang berteraskan ihsan bukan sahaja membantu dari sudut pembangunan diri, akademik dan hubungan sosial sama ada dalam masyarakat mahupun di alam pekerjaan tetapi juga mendorong kepada kesejahteraan diri individu dan masyarakat. Tuntasnya, konsep ihsan ini selari dengan matlamat yang digariskan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang memberi penekanan tentang “kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan” dalam melahirkan mahasiswa holistik.*

**Kata kunci:** *Ihsan, Afektif, Mahasiswa Holistik, Rohani*

**Abstract:** *In navigating this modern era, students are the hope of the generation, nation, and country in the administration and governance of the state in the future. However, the involvement of students in social phenomena needs to be taken seriously. Affective development plays a crucial role in the holistic development of students, encompassing physical, emotional,*

*spiritual, and intellectual aspects. From an Islamic perspective, the concept of ihsan (excellence) forms the core of affective development. This is because the value of ihsan is closely related to emotions and spirituality centered in the human heart (qalb), capable of guiding and shaping individuals towards virtuous beings. This article aims to analyze the concept of ihsan in students' affective development. This qualitative study applies content analysis to selected texts, namely journals sourced from online databases using keywords such as ihsan and affective. The study results conclude that affective development based on ihsan not only aids in personal development, academic excellence, and social relationships within both the community and professional spheres but also contributes to individual and societal well-being. In conclusion, the concept of ihsan aligns with the objectives outlined in the National Education Philosophy, emphasizing "faith and obedience to God" in nurturing holistic students.*

**Keywords:** *Ihsan, Affective, Holistic Students, Spirituality*

---

## **Pengenalan**

Pendidikan merupakan aspek penting untuk membangunkan individu yang sempurna. Menurut Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) seperti yang berikut:

*Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988).*

Maka, jelas di sini bahawa matlamat FPK juga ingin melahirkan mahasiswa yang bukan sahaja bijak dari sudut intelek tetapi memiliki elemen rohani dan emosi serta cemerlang dari sudut jasmani. Elemen-elemen ini mempunyai perkaitan yang penting dalam pembentukan individu sejahtera yang berlandaskan kepercayaan kepada Tuhan terutamanya aspek emosi dan rohani. Kedua-dua aspek ini memiliki hubungan kuat yang melibatkan perasaan dan kejiwaan serta mempunyai perkaitan dengan afektif (S. Ismail, 2015). Dalam pembangunan insan sepadu, aspek emosi dan rohani memainkan peranan penting dalam pembinaan jiwa dan keharmonian perasaan (Salleh, 2022).

Namun begitu, kebelakangan ini pelbagai kes dilaporkan di media massa dan dada akhbar tentang isu gejala sosial dalam kalangan mahasiswa di institut pengajian tinggi yang mengakibatkan keruntuhan moral dan akhlak yang serius (Ismail et al., 2021). Antaranya ialah penglibatan pelajar dalam gejala penagihan dadah, pembuangan bayi, kes buli dan pesta liar (Hanapi et al., 2021; Husain et al., 2018; Marzuki et al., 2021). Manakala, menurut Agensi Anti-Dadah Kebangsaan (AADK) juga, statistik pengambilan dadah yang direkodkan dalam kalangan mahasiswa pada tahun 2020 menunjukkan seramai 651 orang yang terlibat dalam kes ini. Selain itu, pandemik COVID-19 juga memberikan kesan dan impak kepada mahasiswa (Mahathir Yahaya, 2021; Shahul Hamid et al., 2022). Beberapa permasalahan berkaitan kesihatan mental juga dicatatkan berdasarkan kajian-kajian lepas yang menunjukkan masalah sosial dalam kalangan mahasiswa semakin meruncing seperti kes tekanan, kemurungan dan kebimbangan (Salman et al., 2022; Sundarasan et al., 2020). Natijahnya, pelbagai kes yang

melibatkan mahasiswa ini menunjukkan bahawa kegagalan mahasiswa dalam membentuk keperibadian yang tinggi. Sementelahan itu, krisis moral dan nilai-nilai baik dalam diri mahasiswa yang terhakis ini berpunca daripada aspek rohani dan emosi yang kurang diambil perhatian secara serius.

Oleh itu, pembentukan afektif mahasiswa perlulah digilap supaya mampu melahirkan mahasiswa holistik. Walau bagaimanapun, dari sudut pandangan Islam pembentukan afektif mahasiswa akan lebih berkesan apabila elemen ihsan diterapkan (Razak et al., 2018; Zakaria & Azahari, 2019) kerana pembentukan afektif mahasiswa berkait rapat dengan emosi dan rohani. Keadaan emosi dan rohani yang baik dapat melahirkan keperibadian yang baik.

### **Metodologi**

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis konsep ihsan dalam pembangunan afektif mahasiswa. Kertas konsep ini merupakan kajian kualitatif yang mengaplikasikan analisis kandungan terhadap teks. Pengumpulan data diperoleh daripada analisa teks terhadap kitab Ihya' Ulumuddin karangan Imam Al-Ghazali berkaitan konsep ihsan. Selain itu, pengumpulan data juga diperoleh daripada pangkalan data seperti Scopus, Web of Science dan Google Scholar berdasarkan kata kunci ihsan dan afektif.

### **Pembentukan Afektif Dalam Pembangunan Mahasiswa Holistik**

Menurut Krathwohl, Bloom dan Masia (1964), afektif ialah domain pembelajaran yang berkaitan dengan emosi, nilai, motivasi, kepercayaan dan sikap (Jagger, 2013; Kraft et al., 2011; Zabidi et al., 2022). Afektif merupakan suatu nilai yang tersembunyi dalam fikiran manusia. Nilai juga merujuk kepada perspektif seseorang dalam menilai sesuatu perkara seperti persepsi terhadap orang adil dan tidak adil (Mursal, 2013). Pembentukan afektif bertujuan untuk membina karakter dan keperibadian mahasiswa (Mursal, 2013).

Melalui aspek kerohanian yang mempunyai perkaitan dengan roh, jiwa dan unsur keimanan serta kepatuhan kepada Tuhan dapat membantu dalam pembentukan afektif mahasiswa (Salleh, 2022). Hal ini demikian kerana, aspek kerohanian merupakan aspek dalaman yang menjadi kayu ukur kejayaan seseorang (Ismail, 2015). Justeru, afektif ini membantu menerapkan dan menghayati nilai bagi pembentukan akhlak dan budi pekerti dalam diri mahasiswa. Berdasarkan analisis teks yang dilakukan, pembentukan afektif yang sempurna memberi kesan terhadap aspek berikut iaitu:

#### **Pembangunan Diri**

Kepentingan afektif memberikan kesan kepada perkembangan diri mahasiswa dalam pembangunan potensi dan sahsiah mahasiswa. Dengan afektif, mahasiswa dapat mewujudkan kesedaran dalam diri sekaligus mengenali diri sendiri dengan lebih baik (Dollarhide, 2013; Stephens & Ormandy, 2019). Kesedaran diri itu membantu dalam membimbing dan mendidik mahasiswa (Savic & Kashef, 2013) serta meningkatkan keyakinan diri mereka dalam menghadapi kehidupan (Jackson, 2006). Selain itu, kehadiran afektif membantu mahasiswa memilih keputusan yang betul serta bertindak dengan rasional (Gagne, 1994). Kesan daripada tindakan yang betul dapat memupuk sikap yang baik dan membantu dalam penghayatan nilai yang diperolehi (Dollarhide, 2013; Kraiger et al., 1993).

#### **Pencapaian Akademik**

Pembentukan afektif juga mempengaruhi dari sudut akademik mahasiswa iaitu dengan meningkatkan pencapaian akademik mahasiswa (Mutlu et al., 2022) serta meningkatkan

kebolehan penaaakulan mereka (Turner, 2021). Seterusnya, afektif memainkan peranan penting dalam pembentukan domain kognitif yang merangsang kepada pemikiran aras tinggi dalam pembelajaran (Gelmez & Bagli, 2017; Pagatpatan et al., 2020). Di samping itu, proses pembelajaran secara mendalam dapat dicapai dengan menerapkan afektif bertujuan untuk mendapatkan pemahaman mendalam dalam pembelajaran. Hasil pembelajaran yang mempunyai pemahaman yang mendalam, mahasiswa dapat meningkatkan keyakinan diri dan minat terhadap pembelajaran tersebut (Boyle et al., 2007; Kraft et al., 2011).

### **Penglibatan Bersama Masyarakat**

Kepentingan afektif dapat membantu dalam melibatkan diri di dalam masyarakat dengan menjadikan mahasiswa sebagai agen sosial yang berpengaruh (Feldman, 1994). Hal ini demikian kerana bersosial dapat melahirkan sifat toleransi serta memupuk sifat bekerjasama dalam kumpulan (Savic & Kashef, 2013) (Geber, 1990). Sementelahan itu, penerapan afektif dapat menjadikan mahasiswa mampu menangkis dan menghadapi segala persekitaran yang mencabar dalam kehidupan dan sekeliling mereka (Simm & Marvell, 2015).

### **Pembangunan Kerjaya**

Dalam menempuhi alam kerjaya, afektif menjadikan mahasiswa boleh menyesuaikan diri dengan baik walaupun dalam keadaan persekitaran yang berbeza secara profesional (Savic & Kashef, 2013). Seterusnya, mahasiswa dapat menunjukkan sikap dan tingkah laku yang baik serta sentiasa bermotivasi di tempat kerja apabila pembentukan afektif diterapkan dalam diri mereka (Pagatpatan et al., 2020). Hasil daripada sikap dan tingkah laku yang baik membantu mahasiswa dalam memberikan komitmen terhadap organisasi serta mampu membina hubungan yang baik antara pekerja dan majikan (Kraiger et al., 1993).

### **Konsep Ihsan Dalam Pembentukan Afektif**

Dari perspektif Islam, ihsan merupakan nilai penting dalam kesejahteraan emosi dan rohani manusia yang merupakan unsur terpenting dalam domain afektif. Istilah ihsan ini mempunyai maksud dan makna yang luas. Ihsan menurut perkataan bahasa Arab bermaksud “kesempurnaan” atau “terbaik”(Amran, 2012). Manakala, menurut istilah ihsan bermaksud berbuat baik atau melakukan perbuatan baik yang ditetapkan oleh syariat (Nandani, 2017). Berdasarkan hadis Jibril yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a dalam hadis 40 hasil karangan Imam Nawawi, Rasulullah SAW bersabda:

قَالَ: فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْإِحْسَانِ قَالَ: أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ، فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ

*Maksudnya: Beritahukan kepadaku tentang ihsan. Rasulullah S.A.W menjawab: Engkau beribadah kepada Allah seakan-akan engkau melihat-Nya, jika engkau tidak melihatnya, sesungguhnya Dia pasti melihatmu. (Sahih Muslim: no.5)*

Berdasarkan hadis di atas ihsan bermaksud manusia hendaklah beribadah kepada Allah SWT dengan merasakan bahawa Allah SWT sedang melihat atau mengawasi setiap perbuatan dan tingkah laku manusia. Jika manusia tidak berupaya untuk melihat Allah SWT maka Allah SWT Maha Melihat segala perbuatannya. Hadis ini menyatakan bahawa kehadiran ihsan ini perlu dijadikan sebagai pengawasan dalam melakukan suatu tindakan atau perbuatan bahawa Allah SWT sentiasa melihat hambaNya. Kehadiran ihsan ini juga membantu dalam memperbaiki amalan atau ibadah yang dilakukan.

Seterusnya, ihsan merupakan salah satu komponen yang menjadi teras dalam agama Islam yang diikuti dengan komponen iman dan islam. Menurut Sayyid Qutub (2000) dan Imam Al-Ghazali

(1990), ihsan dilahirkan daripada kesempurnaan iman dan islam. Iman, islam dan ihsan ini mempunyai hubungan yang kuat dalam membangunkan asas kepada agama Islam. Dalam pembentukan ihsan dalam diri seseorang perlulah diiringi dengan keyakinan iman yang kuat dan pelaksanaan islam yang kukuh. Dari sudut pembangunan ihsan dalam diri mahasiswa, mahasiswa hendaklah meletakkan keyakinan yang tinggi kepada Allah dan disertai dengan melaksanakan setiap perintah Allah SWT dan menjauhi laranganNya.

Selain itu, penyaksian kepada Allah SWT dihubungkan dengan merasakan kehadiran dan kebersamaan Allah SWT dalam setiap ibadah dan amalan yang dilaksanakan (Pamungkas, 2019). Dalam menjalankan ibadah, ihsan merupakan peringkat tertinggi yang perlu dicapai bagi mewujudkan kesedaran bertuhan yang memberi impak dan kesan kepada kehidupan di dunia dan akhirat. Hakikatnya, manfaat yang diperoleh apabila melakukan ibadah atas dasar ihsan kembali kepada diri sendiri. Ini dapat dijelaskan dalam firman Allah SWT:

إِنْ أَحْسَنْتُمْ أَحْسَنْتُمْ لِأَنْفُسِكُمْ وَإِنْ أَسَأْتُمْ فَلَهَا

*Maksudnya: Jika kamu berbuat kebaikan, maka faedah kebaikan yang kamu lakukan ialah untuk diri kamu dan jika kamu berbuat kejahatan maka (kesannya yang buruk) berbalik kepada diri kamu juga. (Surah al-Isra' 17:7)*

Kesedaran bertuhan atau menghadirkan rasa ihsan dalam diri dibentuk melalui aspek dalaman iaitu melibatkan anggota hati. Menurut perspektif Islam, ihsan ini dibentuk melalui hati agar meyakini bahawa Allah SWT sentiasa melihat setiap perbuatan hamba-Nya dan akhirnya membentuk tingkah laku yang baik. Hati merupakan antara anggota penting dalam membantu proses pembangunan insan yang sempurna dari sudut spiritual. Dari An Nu'man bin Basyir r.a, Nabi Muhammad SAW bersabda:

أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ ، وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ

*Maksudnya: Ingatlah bahawa di dalam jasad itu ada segumpal daging. Jika ia baik, maka baik pula seluruh jasad. Jika ia rosak, maka rosak pula seluruh jasad. Ketahuilah bahawa ia adalah hati (jantung). (HR Bukhari: no.52 dan Sahih Muslim: no.1599)*

### Elemen Ihsan

Berdasarkan hadis Jibril, terdapat dua elemen utama ihsan iaitu *muraqabah* dan *musyahadah*. *Musyahadah* adalah beribadah seakan-akan kita melihat Allah (أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ) manakala *muraqabah* adalah merasakan bahawa Allah SWT Maha Memerhati setiap makhluk-Nya (فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ). Berikut merupakan peringkat-peringkat dalam menerapkan elemen ihsan:

### Muraqabah

Muraqabah bermaksud seseorang melakukan ibadah dan merasakan bahawa Allah sentiasa memerhati dan mengawasi setiap tindakan yang dilakukan (Ali, 2010). Ini berdasarkan sabda Nabi Muhammad SAW:

فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ

*(jika kamu tidak melihat-Nya maka sesungguhnya Dia melihatmu)*

Peringkat *muraqabah* ini merupakan peringkat yang dimiliki oleh kebanyakan manusia. Hal ini demikian kerana apabila seseorang tidak mampu untuk menyaksikan sifat-sifat Allah maka dia yakin bahawa Allah SWT melihatnya. Sebagai contoh, apabila seseorang menunaikan solat dan

merasakan bahawa Allah SWT sedang memerhatikannya lalu dia memperbaiki solatnya dengan lebih baik. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Yunus, ayat 61:

وَمَا تَكُونُ فِي شَأْنٍ وَمَا تَتْلُوا مِنْهُ مِنْ قُرْءَانٍ وَلَا تَعْمَلُونَ مِنْ عَمَلٍ إِلَّا كُنَّا عَلَيْكُمْ شُهُودًا إِذْ تُفِيضُونَ فِيهِ

*Maksudnya: Dan tidaklah engkau (wahai Muhammad) dalam menjalankan sesuatu urusan, dan tidaklah engkau dalam membaca sesuatu surah atau sesuatu ayat dari Al-Quran dan tidaklah kamu (wahai umat manusia) dalam mengerjakan sesuatu amal usaha, melainkan adalah Kami menjadi saksi terhadap kamu, ketika kamu mengerjakannya.*

Menurut Ibnu Ajibat bahawa dalam kalangan manusia ini ada tiga jenis *muraqabah* iaitu *muraqabah al-zawahir*, *muraqabah al-qulub* dan *muraqabah al-sara'ir* (Ajibat, 2002) (Jasmi, 2017).

#### **Pengawasan Zahir / Muraqabah Al-Zawahir**

Kepercayaan seseorang bahawa Allah SWT melihatnya dan Dia sentiasa ada di setiap tempat. Hasil daripada *muraqabah* ini menyebabkan hamba itu berasa malu kepada-Nya untuk melakukan perkara keburukan di hadapan Allah SWT.

#### **Pengawasan Hati / Muraqabah Al-Qulub**

Kepastian seseorang bahawa Allah SWT berada di dalam hatinya maka dia malu untuk melakukan perkara yang tidak berfaedah atau berfikir perkara yang tidak bermanfaat untuk dirinya. Sekiranya dia terfikir atau melakukan keburukan, maka dia akan beristighfar dan bertaubat kepada Allah.

#### **Pengawasan Rohani /Muraqabah Al- Sara'ir**

Tersingkap hijab dari rohnya sehingga rohnya boleh melihat Allah SWT sangat dekat dengannya berbanding apa pun di dunia ini. Oleh itu, dia malu untuk melakukan perkara yang tidak berfaedah dan tidak wajar. Jika dia melakukannya, maka dia akan segera beristighfar dan memohon taubat kepada Allah.


#### **Musyahadah**

*Musyahadah* bermaksud penyaksian seseorang kepada sifat-sifat Allah SWT dan menghubungkait setiap amalan atau ibadahnya dengan sifat-sifat tersebut. Peringkat *musyahadah* merupakan peringkat yang lebih tinggi berbanding peringkat *muraqabah*. Ini berkaitan dengan hadis Jibril yang disabdakan oleh Nabi Muhammad SAW:

أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ

*(Engkau beribadah kepada Allah S.W.T seakan-akan engkau melihat-Nya)*

Potongan hadis ini menekankan bahawa bukan dengan melihat zat Allah SWT tetapi melihat sifat-sifat-Nya iaitu dengan memerhatikan kesan nama-nama Allah SWT dan sifat-sifat-Nya pada makhluk-Nya. Apabila seseorang memiliki ilmu dan keyakinan kepada sifat-sifat Allah SWT maka dia akan mengembalikan semula tanda-tanda kekuasaan Allah kepada nama-nama dan sifat-sifat-Nya. Oleh itu, peringkat *musyahadah* ini merupakan peringkat yang tertinggi dalam mencapai ihsan (Ali, 2010; Inayah, 2015).



**Rajah 1: Kerangka Konsep Ihsan Dan Afektif**

Secara ringkasnya, konsep ihsan menjadi teras dalam pembentukan afektif mahasiswa seperti yang digambarkan pada rajah 1. Pembentukan afektif merangkumi aspek sikap, nilai dan emosi yang berteras kepada konsep ihsan membantu mahasiswa mencapai kesejahteraan diri dan menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat. Kesepaduan yang berteraskan nilai ihsan inilah yang merealisasikan ciri mahasiswa holistik.

**Kepentingan Ihsan dalam Pembentukan Afektif Mahasiswa**

Bagi membentuk afektif mahasiswa, nilai ihsan perlulah diterapkan dalam melahirkan mahasiswa yang holistik. Berikut merupakan kepentingan ihsan iaitu dapat membantu dalam menghadirkan kesedaran bertuhan, ketekunan dan kesungguhan dalam ibadah dan pekerjaan, keikhlasan berbuat baik sesama insan dan makhluk dan kesedaran penyucian hati daripada sifat-sifat mazmumah.



**Rajah 2 : Kepentingan Ihsan Dalam Pembentukan Afektif Mahasiswa**

## Kesedaran Bertuhan

Rasulullah SAW bersabda:

قَالَ: فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْإِحْسَانِ قَالَ: أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ، فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ

*Maksudnya: Beritahukan kepadaku tentang ihsan. Rasulullah SAW menjawab: Engkau beribadah kepada Allah seakan-akan engkau melihat-Nya, jika engkau tidak melihat-Nya sesungguhnya Dia pasti melihatmu. (Sahih Muslim: no.5)*

Setiap amalan yang dihadiri dengan kesedaran bertuhan dapat memandu setiap gerak geri dan tingkah laku kita (Ali & Puteh, 2017). Hakikatnya, ilmu tentang ihsan memandu mahasiswa dalam memahami dan mengetahui tentang manfaat dan tujuan apabila melakukan sesuatu perbuatan. Dalam konteks pengajian tinggi, mahasiswa perlu menyedari tentang matlamat dalam menuntut ilmu dan ganjaran-ganjaran yang Allah SWT kurniakan kepada penuntut ilmu. Berdasarkan firman Allah SWT dalam surat al-Mujadalah ayat 11, Allah SWT akan mengangkat orang-orang berilmu dengan beberapa darjat.

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ

*Maksudnya: Supaya Allah SWT meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kami dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan (daripada kalangan kamu) dengan beberapa darjat. (Surah al-Mujadalah: 11)*

Rasulullah SAW juga bersabda barangsiapa yang menempuh jalan menuntut ilmu, maka Allah SWT akan menganugerahkan kepada hambaNya jalan ke syurga :

مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَدْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا، سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ بِهِ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ

*Maksudnya: Siapa saja yang mengadakan perjalanan untuk menuntut ilmu, maka Allah akan menganugerahinya jalan ke syurga. (Sahih Muslim)*

Di samping itu, menuntut ilmu bertujuan untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat (Arif, 2021). Hal ini juga disokong oleh Imam al-Ghazali (2005) bahawa dengan menuntut ilmu dapat mendekatkan diri kepada Allah dan mengenali hakikat diri. Amalan menuntut ilmu ini juga merupakan amalan soleh yang paling utama berbanding amalan yang lain (Al-Ghazali, 2005). Selain itu, mahasiswa perlu menyedari bahawa ilmu yang dipelajari hendaklah seiring dengan pengamalannya terhadap ilmu tersebut (Ma'rifati et al., 2022). Imam Al Ghazali turut membahaskan dalam kitab Ayyuhal Walad bahawa hanya dengan memperoleh ilmu tanpa mengamalkannya belum mampu untuk menjauhkan diri daripada kemaksiatan dan mendorong untuk berbuat ketaatan (Al-Ghazali, 2018). Realitinya, kehidupan sebagai seorang mahasiswa perlu mempunyai ilmu pengetahuan yang boleh membezakan baik dan buruk dalam setiap perbuatan atau tindakan serta mengamalkannya dalam kehidupan mereka (Ma'rifati et al., 2022). Maka, kesedaran bertuhan menyedarkan mahasiswa tentang tanggungjawab sebagai penuntut ilmu dan matlamat untuk menuntut ilmu. Apabila kesedaran bertuhan ditanamkan dalam diri mahasiswa maka mahasiswa tidak mudah terjebak kepada perkara-perkara tidak bermanfaat dan bertentangan dengan syariat (Ali & Puteh, 2017).

Tambahan lagi, kehadiran ihsan membimbing mahasiswa dalam menjadi seorang hamba yang meyakini bahawa Allah itu berkuasa atas setiap perkara dan melahirkan kepercayaan dan tanggapan bahawa segala suatu perkara atau usaha yang dilakukan hakikatnya bergantung pada ketentuan Allah SWT (Ali & Puteh, 2017). Apabila seseorang manusia mengalami kekecewaan atau kerugian, mereka tidak akan bersedih atau berputus asa. Mereka akan lebih berusaha



kerana yakin dengan rezeki dan ketentuan yang ditetapkan untuk hamba-Nya (Ali & Puteh, 2017). Oleh itu, penerapan ihsan ini dapat melahirkan mahasiswa yang sedar tentang amanah mereka sebagai hamba Allah dengan mentaati perintah Allah dan mempunyai matlamat hanya untuk mencari kerediaan Allah SWT dalam setiap perkara yang dilaksanakan.

### **Ketekunan Dan Kesungguhan Dalam Ibadah Dan Pekerjaan**

Allah SWT berfirman:

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ إِنَّا لَا نُضِيعُ أَجْرَ مَنْ أَحْسَنَ عَمَلًا

*Maksudnya: Sebenarnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh sudah tetap Kami tidak akan menghilangkan pahala orang-orang yang berusaha memperbaiki amalnya. (Surah Al-Kahfi: 30)*

Berdasarkan huraian ayat di atas, setiap amal ibadah atau pekerjaan yang mempunyai unsur ihsan akan sentiasa mendapat pahala dan ganjaran oleh Allah SWT. Ihsan yang merangkumi aspek dalaman menjadi kayu ukur dalam menentukan kualiti ibadah atau pekerjaan seseorang (Ismail, 2015). Dalam menjalani kehidupan sebagai mahasiswa, pelaksanaan ibadah seperti solat dan puasa perlulah disertai dengan rasa ihsan kerana cinta dan kasih kepada Allah Maha Pencipta (Saihu et al., 2021). Hal ini demikian kerana kesungguhan dalam menjaga ibadah dapat menjaga diri mahasiswa supaya sentiasa menjalani kehidupan yang berlandaskan syariat serta mendidik mahasiswa terhindar daripada nafsu yang buruk (Saihu et al., 2021). Dalam pelaksanaan ibadah yang dilakukan juga, mahasiswa perlu menyedari tentang hakikat diri dan keberhutangan diri kepada Allah SWT untuk menjadi insan baik di sisi Allah SWT (Al-Attas, 2019).

Di samping itu, dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan atau melakukan tugas yang diberikan oleh para pensyarah, mahasiswa hendaklah mempunyai ihsan dengan mewujudkan komitmen yang tinggi terhadap tugas tersebut. Dengan kewujudan ihsan dalam diri, mahasiswa akan melaksanakan setiap pekerjaan atau tugas dengan cekap dan ikhlas kerana merasakan Allah SWT sentiasa memerhati dan menilai kualiti kerjanya (Wahab & Ismail, 2019). Hal ini juga dapat menutup ruang-ruang ketidaksempurnaan atas tanggungjawab yang diamanahkan dan itu merupakan amalan sunnah atau mustahab (pahala tambahan) (Wahab & Ismail, 2019).

Menurut Imam al-Ghazali (1990), kepentingan ihsan juga dapat memperbaiki mutu setiap ibadah atau pekerjaan bagi melahirkan mahasiswa yang sentiasa memperbaiki diri dan tidak hanya berada pada tahap yang sama. Hal ini dapat menjadi galakan kepada mahasiswa untuk sentiasa mempertingkatkan ibadah atau pekerjaan yang dilakukan kepada usaha yang lebih optimum. Oleh itu, penerapan ihsan dapat membentuk seseorang untuk bekerja bersungguh-sungguh (*itqan*) dan melakukan tugas yang digalas dengan sebaiknya. Bukan sahaja penuh kesungguhan dalam melaksanakan pekerjaan bahkan mengerahkan segala keringat dan kemampuannya untuk mencapai hasil dan kualiti yang terbaik.

### **Keikhlasan Berbuat Baik Sesama Manusia Dan MakhluK**

Perkataan ihsan di dalam ayat Al-Quran membawa konteks yang sangat luas dan lebih memberi penumpuan kepada melakukan kebaikan dan berbuat baik kepada orang lain seperti ibu bapa, kerabat, jiran tetangga, anak yatim dan haiwan. Berdasarkan firman Allah SWT dalam surah An-Nahl ayat 90:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ  
*Maksudnya: Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajarkan kamu (dengan suruhan dan laranganNya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhiNya.*

Imam Al-Qurtubhi menjelaskan bahawa penurunan surah an-Nahl, ayat 90 ini diturunkan dan dibacakan kepada Ali bin Abi Talib, beliau lantas berkata bahawa “Demi Allah, sesungguhnya Dia mengutuskan Rasulullah SAW dengan akhlak yang mulia.” Berdasarkan ayat ini menunjukkan bahawa ihsan juga termasuk dalam lingkungan berbuat baik dan melakukan kebaikan kepada manusia (Al-Qurtubhi, 2007; Masroom et al., 2013).

Dalam konteks pembangunan mahasiswa holistik, ihsan mendidik mahasiswa untuk ikhlas dalam berbuat baik sesama insan. Hal ini dapat dilaksanakan dengan menjaga hubungan baik antara para pensyarah dan rakan-rakan yang menjadi lingkungan dalam pengajian tinggi. Hubungan baik dengan para pensyarah atau pendidik dapat dibina dengan sentiasa merendah diri atau tawaduk, menunaikan amanah atas ilmu yang diberi, bertanya soalan yang penting sahaja, sentiasa berkelakuan baik dan menjaga adab terhadap mereka (Ahmad Zukarnain et al., 2022). Manakala hubungan baik dengan rakan dapat dijalinan dengan sentiasa bertanya khabar, mengajak kepada kebaikan, mencegah daripada kemungkaran, tidak bergurau secara berlebihan, menjaga sensitiviti antara satu sama lain, berbuat baik dan berlemah lembut serta melakukan perkara yang menyenangkan dan meninggalkan segala perbuatan yang menyusahkan mereka (Ali & Puteh, 2017; Muhammad, 2009). Hakikatnya, mahasiswa hendaklah sentiasa melakukan kebaikan kepada semua orang tanpa mengira pangkat, harta atau kerjaya yang dimiliki dengan penuh keikhlasan.

Selain itu, penerapan ihsan dalam diri mahasiswa bukan sahaja perlu ikhlas berbuat baik sesama insan tetapi perlu juga berbuat baik sesama makhluk lain iaitu haiwan. Ihsan terhadap haiwan adalah dengan sentiasa menyayangi dan mengasihani mereka, memberikan makanan yang cukup dan berbuat baik kepada haiwan dengan menyelamatkannya daripada bahaya (Yusoff et al., 2020). Allah SWT mengurniakan pahala bagi orang-orang yang berbuat kebaikan berdasarkan firmanNya:

وَأَصْبِرْ فَإِنَّ اللَّهَ لَا يُضِيعُ أَجْرَ الْمُحْسِنِينَ  
*Maksudnya: Dan sabarlah (wahai Muhammad, engkau dan umatmu dalam mengerjakan suruhan Allah) kerana sesungguhnya Allah tidak akan menghilangkan pahala bagi orang-orang yang berbuat kebaikan. (Surah Hud: 115)*

Oleh itu, impak daripada berbuat baik sama ada kepada diri, insan atau haiwan dapat melahirkan masyarakat yang sejahtera. Masyarakat yang sejahtera ini dapat dibina dengan mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan di dunia. Untuk terus menjaga keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat, kehadiran ihsan dapat menimbulkan rasa cinta, persaudaraan, kasih sayang, tolong-menolong dan saling menghormati antara satu sama lain.

### **Kesedaran Penyucian Hati Daripada Sifat-Sifat Mazmumah**

Pembangunan individu itu merangkumi aspek fizikal (luaran) dan aspek rohani (dalaman) (Al-Ghazali, 2005). Kedua-dua aspek ini saling berhubung di mana aspek dalaman ini iaitu rohani meliputi emosi, sikap, motivasi yang boleh mempengaruhi sikap luaran bahkan mempengaruhi

aspek dalaman seseorang (Sham et al., 2013). Walau bagaimanapun aspek rohani lebih mempengaruhi personaliti seseorang. Hal ini demikian kerana aspek rohani itu melibatkan anggota hati (Ismail et al., 2021).

Sementelahan itu, seorang Muslim perlu melalui proses penyucian hati atau *tazkiyatun nafs* dalam membentuk insan kamil. Menurut Imam al-Ghazali (2005), proses penyucian hati mesti melalui dua proses yang dikenali sebagai *mujahadah an-nafs (al-takhalli)* dan *riyadhah an-nafs (tahalli)*. *Mujahadah an-nafs (al-takhalli)* ini bermaksud bersungguh-sungguh dalam menyingkirkan sifat-sifat mazmumah seperti mementingkan diri, hasad dengki, cinta pada dunia, sombong dan riya' (Ismail et al., 2021). Manakala, *riyadhah an-nafs (al-tahalli)* pula bermaksud menghiasi atau melatih diri untuk berbuat kebaikan yang terdiri daripada sifat-sifat mahmudah secara berterusan sehingga sukar untuk kembali melakukan perkara-perkara keburukan (Sham et al., 2013). Kedua-dua konsep iaitu *mujahadah an-nafs* dan *riyadhah an-nafs* ini perlu saling berkait dalam pembentukan personaliti individu Muslim bagi penyucian hati.

Dari sudut pembangunan diri mahasiswa, mahasiswa perlu mempunyai kesedaran tentang menyucikan hati daripada sifat-sifat mazmumah untuk membentuk moral dan keperibadian yang baik (Hashim, 2020; Ismail et al., 2021). Selain itu, pembentukan akhlak dalam kalangan mahasiswa dapat dibentuk dengan menyucikan hati daripada sifat-sifat mazmumah seperti malas dalam menuntut ilmu, tidak amanah dalam tindakan, tidak jujur dalam berkata-kata dan berkelakuan buruk. Penyucian hati ini memberikan kesan kepada perkembangan rohani yang baik. Perkembangan rohani yang baik melahirkan mahasiswa yang berakhlak mulia dan dapat membentuk hubungan baik dengan Allah dan manusia (Ismail et al., 2021). Penyucian hati ini bukan sahaja membersihkan hati tetapi juga memberikan ketenangan dan membawa jiwa lebih dekat kepada Allah SWT (Zainol, 2019).

Oleh itu, penerapan ihsan dapat membersihkan hati agar terlindung daripada sifat-sifat mazmumah. Pembentukan spiritual atau dalaman seseorang juga mudah untuk dibentuk kesan daripada penyucian hati bagi mencapai kejayaan di dunia dan akhirat. Penyucian hati ini juga membantu mahasiswa dalam menjalani kehidupan mengikut syariat yang ditetapkan Allah SWT.

### **Kesimpulan**

Ihsan dan afektif merupakan dua komponen yang mempunyai hubungan antara satu sama lain. Kesedaran bertuhan yakni ihsan menjadi teras dalam pembentukan afektif mahasiswa bagi membentuk tingkah laku dan sikap yang baik. Beberapa kepentingan afektif dari sudut diri, akademik, penglibatan dalam masyarakat dan kerjaya dapat menunjukkan bahawa afektif memainkan peranan yang penting dalam membentuk mahasiswa holistik dari pelbagai sudut. Manakala, kepentingan ihsan dalam membangunkan afektif mahasiswa ini dapat memberi kesedaran bertuhan, menanamkan ketekunan dan kesungguhan dalam ibadah dan pekerjaan, keikhlasan dalam berbuat baik sesama insan dan makhluk serta memberi kesedaran penyucian hati daripada sifat-sifat mazmumah menunjukkan bahawa peri pentingnya ihsan yang menjadi tunjang bagi menghasilkan mahasiswa sejahtera dari sudut emosi dan rohani khususnya.

Selain itu, matlamat ihsan tentang kesedaran bertuhan selari dengan kandungan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan tentang "kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan." Oleh itu, setiap pihak perlu bersama-sama mengembleng tenaga dalam mengaplikasikan pengetahuan tentang ihsan agar mampu membentuk mahasiswa holistik.

Impaknya, pembentukan mahasiswa holistik dengan penghayatan ihsan yang mendalam dapat mewujudkan unsur kehambaan dan kesejahteraan dalam diri, masyarakat dan negara serta santerto dunia dengan tujuan untuk mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat.

## Rujukan

- Ahmad Zukarnain, Z., Abdul Rahman, N., Sudin, R., & Jamaludin, M. (2022). Pelaksanaan Model A.D.A.B dalam Subjek Berteraskan Teknologi. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7(46), 561–570. <https://doi.org/10.35631/ijepc.746042>
- Ajibat, A. M. I. (2002). *Al-Bahr al-Madid fi Tafsir al-Quran Al-Majid* (Ahmad Abdu). Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Al-Attas, S. M. N. (2019). *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*. Ta'dib International.
- Al-Ghazali. (2005). Ihya' ulumuddin. In 1. Dar Ibnu Hazm.
- Al-Ghazali, A. H. M. M. (2018). *Ayyuhal Walad (Wahai Anakku Yang Tercinta)* (Keempat). Khazanah Banjariah.
- Al-Qurtubhi, I. (2007). *Tafsir Al-Qurthubi*. Pustaka Azzam.
- Ali, N. A. H. M., & Puteh, A. (2017). Penghayatan Ihsan Sebagai Medium Pengukuhan Budaya Kerja Berintegriti. *Fikiran Masyarakat*, 5(3), 112–118.
- Ali, S. A. A. M. I. (2010). *Syarah Arbain Nawawi* (A. M. M. Rifaie (ed.); 1st ed.). Darul Asimah.
- Amran, A. (2012). Konsep Adil dan Ihsan Menurut Aqidah, Ibadah dan Ahlak. *Hikmah*, vol 6(02), 102–113.
- Arif, M. M. (2021). Pendidikan Islam Dalam Pandangan Syekh Nawawi Al- Bantani Dan Implikasinya Di Era Modern. *Tadris : Jurnal Penelitian Dan Pemikiran Pendidikan Islam*, 15(1), 52–67. <https://doi.org/10.51675/jt.v15i1.123>
- Boyle, A., Maguire, S., Martin, A., Milsom, C., Nash, R., Rawlinson, S., Turner, A., Wurthmann, S., & Conchie, S. (2007). Fieldwork is good: The student perception and the affective domain. *Journal of Geography in Higher Education*, 31(2), 299–317. <https://doi.org/10.1080/03098260601063628>
- Dollarhide, C. T. (2013). Using a values-based taxonomy in counselor education. *Counseling and Values*, 58(2), 221–236. <https://doi.org/10.1002/j.2161-007X.2013.00035.x>
- Gelmez, K., & Bagli, H. (2017). Tracing design students' affective journeys through reflective writing. *International Journal of Technology and Design Education*, 28(4), 1061–1081. <https://doi.org/10.1007/s10798-017-9424-1>
- Hanapi, N. M., Omar, N., Samat, M. M., & Kamal, M. M. M. (2021). Gejala Sosial Di Kalangan Mahasiswa Universiti. *Gading Journal for Social Sciences (e-ISSN 2600-7568)*, 24(03), 38–46. <https://gadingss.learningdistance.org/index.php/gadingss/article/view/284>
- Hashim, S. N. A. (2020). Pembangunan Modal Insan Melalui Konsep Tazkiyah Al-Nafs. *Jurnal Maw'izah*, 3, 17–27.
- Husain, F. C., Jodi, K. H. M., Mat, Z. H., & Abdul, F. A. (2018). Elemen Pembentukan Akhlak dan Moral: Penelitian Terhadap Modul Pengajian Kursus Titas di Universiti Malaya. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 433–448. [http://journal.kuis.edu.my/jsass/images/speciallissue2018/jsass\\_khas02\\_030\\_faridah.pdf](http://journal.kuis.edu.my/jsass/images/speciallissue2018/jsass_khas02_030_faridah.pdf)
- Inayah, M. (2015). *Konsep Ihsan Sebagai Pendidikan Karakter Dalam Pemikiran Sachiko Murata dan William C Chittick*. Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim Malang.
- Ismail, N., Makhsin, M., Zain, Z. M., Ismail, U. S., & Pisal, N. A. (2021). Mujahadatun Nafs and Riyadhatun Nafs Practices in Forming The Religious Personality Among University Students. *Proceedings of International Conference on Language, Education, Humanities & Social Sciences*, 1–7.
- Ismail, S. (2015). Pembangunan Insan Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. *Journal of*

- Human Capital Development (JHCD)*, 8(2), 83–100.
- Jagger, S. (2013). Affective learning and the classroom debate. *Innovations in Education and Teaching International*, 50(1), 38–50. <https://doi.org/10.1080/14703297.2012.746515>
- Jasmi, K. A. (2017). *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Kamarul Azmi Jasmi (ed.); 2nd ed.). Universiti Teknologi Malaysia.
- Kraft, K. J. van der H., Srogi, L., Husman, J., Semken, S., & Fuhrman, M. (2011). Engaging Students to Learn Through the Affective Domain: A new Framework for Teaching in the Geosciences. *Journal of Geoscience Education*, 59, 71–84. <https://doi.org/10.5408/1.3543934>
- Kraiger, K., Ford, J. K., & Salas, E. (1993). Application of Cognitive, Skill-Based, and Affective Theories of Learning Outcomes to New Methods of Training Evaluation. *Journal of Applied Psychology*, 78(2), 311–328. <https://doi.org/10.1037/0021-9010.78.2.311>
- Ma'rifati, R. K. D. N., Amin, F., & Afwah, R. (2022). Konsep Belajar Perspektif Imam Al-Ghazali Ditinjau dari Perspektif Pendidikan Modern. *Tadris : Jurnal Penelitian Dan Pemikiran Pendidikan Islam*, 16(1), 32–38.
- Mahathir Yahaya, W. H. A. (2021). Cabaran Pelajar Melalui Kaedah Pembelajaran Atas Talian: Kajian Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia. *Journal of Media and Information Warfare*, 14(1), 11–20.
- Marzuki, M., Abd Rahman, M. H., Kaspin, K. G., Jamal, M. B., Mohd Nor, N. M., & Othman, I. W. (2021). Universiti Sebagai Medan Pembentukan Kecemerlangan Akhlak Mahasiswa. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6(39), 90–100. <https://doi.org/10.35631/ijepc.639005>
- Masroom, M. N., Muhammad, S. N., & Rahman, S. A. P. (2013). Iman, Islam dan Ihsan: Kaitannya dengan Kesehatan Jiwa. *Seminar Pendidikan & Penyelidikan Islam, Januari*, 582–590.
- Muhammad, F. (2009). *Meraih Puncak Ihsan. Cet 1. Tjmh. Darwis*. Darussunah.
- Mursal. (2013). Pendidikan Afektif dalam Perspektif Hassan Langgulung. *Al-Fikra: Jurnal Ilmiah Keislaman*, 12(1), 53–69.
- Mutlu, E., Altunbaş, B. B., & Kambur, S. (2022). Taxonomic Investigation of Affective Domain Objectives in the Life Science Curriculum. *Hacettepe University Journal of Education*, 37(1), 188–203. <https://doi.org/10.16986/HUJE.2020063462>
- Nandani, A. (2017). Konsep Ihsan dalam Q.S Al- Ahzab Ayat 41-42. *Raushan Fikr*, 6(1), 69–82.
- Pagatpatan, C. P., Valdezco, J. A. T., & Lauron, J. D. C. (2020). Teaching the affective domain in community-based medical education: A scoping review. *Medical Teacher*, 42(5), 507–514. <https://doi.org/10.1080/0142159X.2019.1707175>
- Pamungkas, D. D. (2019). *Konsep Ihsan dalam Perspektif Tasawuf*. UNiversitas Negeri Raden Intan Lampung.
- Razak, S. A., Sa'ari, C. Z., & Rahman, S. M. H. S. A. (2018). Relevansi Tasawuf dan Pembangunan Rohani Insan: Satu Sorotan Awal. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 1(4), 71–84.
- Saihu, M., Suparto, & Balgis, L. F. (2021). Nalar Tasawuf dalam Pendidikan Islam : Kajian Atas Makna Ihsan dan Relevansinya dengan Pendidikan Karakter. *Edukasi Islami: Jurnal Pendidikan Islam, Special Issue*, 181–198. <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.30868/ei.v10i001.1844>
- Salleh, M. J. (2022). Falsafah Pendidikan Kebangsaan Paradigma J.E.R.I.S.A.H Membina Insan Sejahtera Bertaqwa: Perspektif Kepimpinan Pendidikan Dan Guru-Guru. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 197–215. <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.1.15>
- Salman, T. M. I. T. M., Wahid, N. A., Yunus, A. M., Yusoff, Z. M., & Ariffin, M. R. (2022).

- Faktor kemurungan di kalangan pelajar universiti di Malaysia. *International Journal of Islamic Products and Malays Civilization*, 1(1), 128–146.
- Savic, M., & Kashef, M. (2013). Learning outcomes in affective domain within contemporary architectural curricula. *International Journal of Technology and Design Education*, 23(4), 987–1004. <https://doi.org/10.1007/s10798-013-9238-8>
- Shahul Hamid, M. N., Musa, N., & Ramli, M. W. (2022). Kesan Pandemik Covid-19 Terhadap Pelajar Universiti Utara Malaysia: Satu Tinjauan Pembelajaran Dalam Talian. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(6), e001535. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i6.1535>
- Sham, F. M., Hamjah, S. H., & Sharifudin, M. J. (2013). *Personaliti dari perspektif al-Ghazali*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Simm, D., & Marvell, A. (2015). Gaining a “sense of place”: students’ affective experiences of place leading to transformative learning on international fieldwork. *Journal of Geography in Higher Education*, 39(4), 595–616. <https://doi.org/10.1080/03098265.2015.1084608>
- Stephens, M., & Ormandy, P. (2019). An Evidence-based Approach to Measuring Affective Domain Development. *Journal of Professional Nursing*, 35(3), 216–223. <https://doi.org/10.1016/j.profnurs.2018.12.004>
- Sundarasan, S., Chinna, K., Kamaludin, K., Nurunnabi, M., Baloch, G. M., Khoshaim, H. B., Hossain, S. F. A., & Sukayt, A. (2020). Psychological impact of covid-19 and lockdown among university students in malaysia: Implications and policy recommendations. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 17(17), 1–13. <https://doi.org/10.3390/ijerph17176206>
- Turner, H. (2021). Effective Critique Through Affective Peer Engagement. *Journal of Interior Design*, 46(3), 29–45. <https://doi.org/10.1111/joid.12195>
- Wahab, M. A., & Ismail, Y. (2019). Mas’uliyya and Ihsan as High-Performance Work Values in Islam. *International Journal of Economics, Management and Accounting*, 27(1), 187–212.
- Yusoff, S. S. M., Abdullah, I., & Ja’afar, N. (2020). Pendekatan Nabawi Dalam Membentuk Akhlak Islamiyyah Seorang Muslim Terhadap Sesama Makhhluk. *Proceedings of the 7th International Prophetic Conference (SWAN)*.
- Zabidi, M. M., Zabidi, A. F. M., & Burhan, N. M. (2022). Affective Domain in Learning Taxonomy at Institution of Higher Education. *Global Journal Al Thaqafah*, 31(1), 1–10. <https://doi.org/10.7187/GJATSI062022-1>
- Zainol, N. Z. N. (2019). Model Tahaqquh Dalam Tazkiyah Al-Nafs Oleh Said Hawwa Bagi Merawat Jiwa Muslim. *Jurnal Studi Islam Kawasan Melayu*, 2(2), 115–126. <https://doi.org/10.35961/perada.v2i2.36>
- Zakaria, N. D., & Azahari, R. (2019). Menghayati Nilai Iman, Islam dan Ihsan dalam Mendepani Cabaran Kontemporari. *Ar-Ra’iq*, 5(1), 20–74.